

24 AUG 1997

LEAD Anwar-Mata Wang (Bergambar)

ANWAR AKAN BANGKIT ISU MENENTANG PENGKHIANAT MATA WANG DI MAURITIUS

BUKIT MERTAJAM, 24 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata beliau akan membawa cadangan mengenai usaha bersama menentang penyangak yang menggugat kestabilan mata wang banyak negara termasuk Asean pada Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Komanwel di Mauritius bulan depan.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata beliau membangkitkan cadangan itu semasa pertemuannya dengan Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku pada 18 Ogos lepas di Kuala Lumpur.

"Saya yakin cadangan itu akan diberi pertimbangan kerana ia telah menjejaskan kestabilan mata wang banyak negara," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Briged Putera Pemuda Umno Pulau Pinang di Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Rawa di sini hari ini.

Briged Putera Pemuda Umno Pulau Pinang, yang pertama ditubuhkan di negara ini, dianggotai lebih 1,000 orang dari 11 bahagian Umno seluruh negeri. Briged Putera Pemuda adalah pasukan beruniform yang berorientasikan kebajikan, keagamaan, disiplin dan kesedaran kepada perjuangan untuk agama, bangsa dan negara.

Anwar berkata, beliau akan membawa pendirian Malaysia dalam usaha menentang aktiviti spekulasi mata wang oleh beberapa kumpulan dan individu termasuk pembiaya kewangan Amerika Syarikat George Soros yang menjejaskan kestabilan sistem kewangan di rantau ini serta di beberapa negara lain di dunia.

"Kita berada dalam landasan yang kukuh untuk memastikan adanya pendirian bersama menentang usaha pengkhianat kestabilan mata wang antarabangsa," kata beliau.

Katanya, beberapa siri perbincangan dengan beberapa Menteri Kewangan negara-negara terbabit telah dan akan diadakan bagi mencapai pendirian bersama untuk menentang pengkhianat terbabit.

"Sekarang kita sudah mula berbincang hal-hal sedemikian di antara Bank Negara dengan bank-bank negara Asean dan beberapa Menteri Kewangan, malah semalam saya berbincang dengan Perdana Menteri China Li Peng dan malam ini akan berbincang dengan Menteri Kewangan Indonesia," kata beliau.

Anwar berkata, mesyuarat Menteri Kewangan Asean dan Eropah di Bangkok serta mesyuarat tahunan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang akan diadakan bulan depan akan turut membincangkan isu yang sama.

Beliau berkata, satu strategi bersama bagi menangani masalah itu perlu diambil dan Malaysia telah menyarankan kepada beberapa negara lain mengenai beberapa cadangan yang perlu diambil.

Semasa berucap merasmikan Konvesyen Umno Wilayah Persekutuan di KUALA LUMPUR kemudian, Anwar berkata beliau kesal dengan tuduhan yang mengatakan bahawa kerajaan terlalu tegas dalam menghadapi kemelut ringgit sekarang akibat "serangan" terhadap mata wang rantau ini.

Katanya banyak negara termasuk negara maju tidak setuju dengan cara spekulasi yang dilakukan Soros tetapi mereka tidak berani menyuarakannya malah ada di antara mereka meminta supaya Malaysia membuat teguran.

"Kita berani mengemukakan pandangan kerana kita tidak bergantung kepada mana-mana pihak atau berhutang dengan tauke-tauke besar untuk membangunkan negara ini," katanya.

Sungguhpun ekonomi kita mapan sejak lapan tahun kebelakangan ini, tetapi kadang-kala berlaku juga beberapa perkara yang tidak popular, katanya.

Tetapi kerajaan telah mengambil pelbagai langkah termasuk mempertingkatkan eksport, mengurangkan import dan mewujudkan pelbagai aktiviti untuk mengurangkan pengaliran wang ke luar negara, katanya.

Mengenai keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu menermui Soros, Anwar berkata keputusan itu "sesuai dan wajar".

"Saya bersetuju dengan keputusan Perdana Menteri tidak mahu menemui Soros," katanya.

Katanya, Soros memang terlibat dalam spekulasi Ringgit dan beliau mencari jalan mudah untuk mendapat kekayaan sehingga menggugat ekonomi sesebuah negara.

-- BERNAMA

SA RAZ SJA AHH